



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMILIHAN KOSA KATA SECARA BERTUTUR DAN MENULIS DALAM
KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH
DI BUKIT KATIL, MELAKA**

NORSHABARINA BINTI ISA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

V

ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk meneroka jumlah kosa kata secara bertutur dan menulis dalam kalangan murid di sekolah rendah berdasarkan jantina. Reka bentuk penyelidikan kuantitatif dan kualitatif telah dipilih untuk menjawab tujuh persoalan kajian dan empat hipotesis. Dua alat kajian telah digunakan iaitu soalan lisan dan soalan bagi ujian penulisan karangan. Responden kajian ini terdiri daripada 70 orang murid iaitu 35 orang murid lelaki dan 35 orang murid perempuan. Hasil kajian menunjukkan jumlah keseluruhan kekerapan kosa kata bertutur ialah 5101. Jumlah kekerapan kosa kata bertutur bagi murid lelaki ialah 2497 (48.95%), manakala murid perempuan ialah 2604 (51.05%). Seterusnya, jumlah keseluruhan kekerapan kosa kata menulis ialah 6513. Jumlah kekerapan kosa kata menulis murid lelaki ialah 3232 (49.62%), manakala murid perempuan ialah 3281 (50.38%). Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara jumlah kekerapan kosa kata bertutur dan menulis terhadap pencapaian karangan murid ($r=0.299, n=70, p= 0.012$) bagi bertutur dan ($r=0.416, n=70, p= 0.000$) bagi menulis. Kesimpulannya, terdapat perbezaan jumlah kekerapan kosa kata bertutur dan menulis murid lelaki dan perempuan serta terdapat hubungan yang signifikan antara jumlah kosa kata bertutur dan menulis terhadap pencapaian karangan murid tahun empat di sekolah rendah. Implikasinya, kajian ini berguna dalam pembinaan buku, modul dan bahan rujukan yang bersesuaian dengan tahap murid serta memberi sumbangan kepada guru dan biro penerbitan Kementerian Pendidikan Malaysia.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



THE CHOICE OF VOCABULARY IN SPEAKING AND WRITING AMONG PRIMARY PUPILS IN BUKIT KATIL, MALACCA

ABSTRACT

The objective of this study is to examine the vocabulary frequency in speaking and writing among primary pupils. Quantitative and qualitative inquiries are used to answer the question of the seven studies and four hypotheses. Two study tools have been used to obtain the number of findings which are oral questions and essay writing questions. The respondents of this study consisted of 70 pupils where 35 male pupils and 35 female pupils. The results of the study have shown that the total number of vocabulary frequency in speaking is 5101. The amount of vocabulary frequency in speaking for the male pupils is 2497 (48.95%) while the female pupils is 2604 (51.05%). Subsequently, the total number of vocabulary frequencies of writing is 6513. The total number of vocabulary frequency acquired in writing for male pupils is 3232 (49.62%) while the female pupils acquired 3281 (50.38%). The findings also show that there is a significant relation between the number of frequencies of the vocabulary usage in speaking ($r=0.299$, $n=70$, $p= 0.012$) and writing ($r=0.416$, $n=70$, $p= 0.000$) on the achievement of the students. In conclusion, there are a number of distinct frequencies of vocabulary in speaking and writing for the male and female pupils, there is a significant relationship between the numbers of vocabulary in speaking and writing of the Year 4 pupils' achievement. By implication, this study is useful in developing books, modules and reference materials that are appropriate to the level of pupils and contributing to the teachers and publication bureau of the Ministry of Education Malaysia.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xii



SENARAI RAJAH

SENARAI SINGKATAN xvii

SENARAI LAMPIRAN xviii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan 1

1.2 Penyataan Masalah 3

1.3 Objektif Kajian 8

1.3.1 Mengenal pasti jumlah bagi kekerapan kosa kata bertutur dan menulis murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah. 8

1.3.2 Mengenal pasti perbezaan jumlah bagi jenis-jenis kosa kata bertutur murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah. 8

1.3.3 Mengenal pasti perbezaan jumlah jenis-jenis kosa kata menulis murid lelaki dan perempuan tahun





	empat di sekolah rendah.	8
1.3.4	Mengenal pasti perbezaan jumlah bagi kekerapan kosa kata bertutur dan menulis murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah.	8
1.3.5	Mengkaji hubungan antara jumlah kosa kata bertutur dan menulis terhadap pencapaian penulisan karangan murid tahun empat di sekolah rendah.	8
1.4	Soalan Kajian	9
1.4.1	Apakah jumlah bagi kekerapan kosa kata bertutur dan menulis murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah?	9
1.4.2	Apakah perbezaan jumlah jenis-jenis kosa kata bertutur murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah?	9
1.4.3	Apakah perbezaan jumlah jenis-jenis kosa kata menulis murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah?	9
1.4.4	Apakah perbezaan jumlah kekerapan kosa kata bertutur murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah?	9
1.4.5	Apakah perbezaan jumlah kekerapan kosa kata menulis murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah?	9
1.4.6	Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara jumlah kosa kata bertutur terhadap pencapaian penulisan karangan murid tahun empat di sekolah rendah?	9
1.4.7	Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara jumlah kosa kata menulis terhadap pencapaian penulisan karangan murid tahun empat di sekolah rendah?	9
1.5	Hipotesis Kajian	10
1.5.1	Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min jumlah kosa kata bertutur murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah.	10





1.5.2	Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min jumlah kosa kata menulis murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah.	10
1.5.3	Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jumlah kosa kata bertutur terhadap pencapaian penulisan karangan murid tahun empat di sekolah rendah.	10
1.5.4	Ho4 :Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jumlah kosa kata menulis terhadap pencapaian penulisan karangan murid tahun empat di sekolah rendah.	10
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.6.1	Murid	11
1.6.2	Guru	11
1.6.3	Penerbit	12
1.6.4	Kementerian	12
1.7	Batasan Kajian	13
1.8	Definisi Operasional	14
1.8.1	Pemilihan Kosa Kata	14
1.8.2	Kosa Kata	15
1.8.3	Kemahiran Lisan	15
1.8.4	Kemahiran Menulis	16
1.9	Kesimpulan	17
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	18
2.2	Teori-teori yang Berkaitan Pemilihan Kosa Kata	19
2.2.1	Kerangka Teori Sandaran (Teori Kognitif)	20
2.2.2	Teori Pembelajaran Kognitif Jean Piaget	22





2.3	Takrif Kata	30
2.4	Jenis-jenis Kosa Kata	35
2.5	Kerangka Kajian Bagi Pemilihan Kosa Kata	42
2.6	Kajian Berkaitan Pemilihan Kosa Kata	44
2.6.1	Kajian Berkaitan Kosa Kata	44
2.6.2	Kajian Berkaitan Saiz Kosa Kata dan Kemahiran Bahasa	52
2.6.3	Kemahiran Bertutur dan Saiz Kosa Kata	53
2.6.4	Kemahiran Menulis dan Saiz Kosa Kata	56
2.6.5	Perkaitan antara Jantina dan Saiz Kosa Kata	57
2.6.6	Kajian Berkaitan Jantina dan Pembelajaran Bahasa	59
2.7	Kesimpulan	65



3.1	Pengenalan	66
3.2	Reka Bentuk Kajian	67
3.3	Sampel Kajian	69
3.4	Lokasi Kajian	71
3.5	Alat Kajian	71
3.5.1	Soalan Lisan	71
3.5.2	Ujian Penulisan Karangan	72
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	73
3.6.1	Kesahan Kandungan Instrumen	74
3.6.2	Kebolehpercayaan	77
3.7	Kajian Rintis	80





3.8	Prosedur Pengumpulan Data	81
3.9	Kaedah Penganalisisan Data	83
3.9.1	Analisis Deskriptif	84
3.9.1.1	Kekerapan dan Peratusan, Min dan Sisihan Piawai	84
3.9.2	Analisis Deskriptif Inferansi	85
3.9.2.1	Ujian <i>t</i>	85
3.9.2.2	Analisis Korelasi <i>Pearson</i>	85
3.10	Cara Penganalisisan Data	87
3.10.1	Analisis Data Rakaman	87
3.10.2	Analisis Data Ujian Penulisan Karangan	90
3.11	Kesimpulan	91

BAB 4**DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	92
4.2	Demografi Responden	93
4.3	Hasil Dapatan Kajian	94
4.3.1	Jumlah bagi kekerapan kosa kata bertutur dan menulis murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah.	94
4.3.2	Perbezaan jumlah bagi jenis-jenis kosa kata bertutur murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah.	98
4.3.3	Perbezaan jumlah jenis-jenis kosa kata menulis murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah.	113
4.3.4	Perbezaan jumlah bagi kekerapan kosa kata bertutur murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah.	127





4.3.5	Perbezaan jumlah bagi kekerapan kosa kata menulis murid lelaki dengan murid perempuan di sekolah rendah.	130
4.3.6	Hubungan antara jumlah kosa kata bertutur terhadap pencapaian penulisan karangan murid tahun empat sekolah rendah.	133
4.3.7	Hubungan antara jumlah kosa kata menulis terhadap pencapaian penulisan karangan murid tahun empat sekolah rendah.	135
4.4	Kesimpulan	140
BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	141
5.2	Rumusan Kajian	144
5.3	Perbincangan Hasil Kajian	147
5.3.1	Jumlah Kekerapan Kosa Kata Bertutur dan Menulis	147
5.3.2	Jumlah Bagi Jenis-Jenis Kosa Kata Bertutur dan Menulis	158
5.3.3	Hubungan Jumlah Kosa Kata Bertutur dan Menulis Terhadap Pencapaian Penulisan Karangan	162
5.4	Implikasi Kajian	171
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	175
5.6	Kesimpulan	180
RUJUKAN		181
LAMPIRAN		189





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Jenis-jenis Kosa Kata	35
3.1 Reka Bentuk Kajian	69
3.2 Sampel Kajian	70
3.3 Kesahan Instrumen Melalui Pakar Rujuk	76
3.4 Prosedur Kebolehpercayaan Data	77
3.5 Nilai Pekali Kebolehpercayaan	79
3.6 Tajuk Cerita	82
3.7 Interpretasi Kekuatan Hubungan	86
3.8 Contoh Senarai Kosa Kata Murid Lelaki dan Perempuan	87
4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	93
4.2 Jumlah Kekerapan Kosa Bertutur dan Menulis	95
4.3 Contoh Kekerapan Kosa Kata Bertutur dan Menulis	96
4.4 Jumlah Kosa Kata Bertutur	99
4.5 Perbezaan Jumlah Bagi Jenis-Jenis Kosa Kata Bertutur Murid Lelaki dan Perempuan	99
4.6 Contoh Kosa Kata Nama Bertutur	103
4.7 Contoh Kosa Kata Kerja Bertutur	105
4.8 Contoh Kosa Kata Adjektif Bertutur	107
4.9 Contoh Kosa Kata Tugas Bertutur	109
4.10 Senarai Kosa Kata Bahasa Inggeri Bertutur Berdasarkan Jantina	111





4.11	Jumlah Kosa Kata Menulis	113
4.12	Perbezaan Jumlah Bagi Jenis-Jenis Kosa Kata Menulis Murid Lelaki dan Perempuan	114
4.13	Contoh Kosa Kata Nama Menulis	117
4.14	Contoh Kosa Kata Kerja Menulis	119
4.15	Contoh Kosa Kata Adjektif Menulis	121
4.16	Contoh Kosa Kata Tugas Menulis	123
4.17	Senarai Kosa Kata Bahasa Inggeris Menulis Berdasarkan Jantina	125
4.18	Perbezaan Jumlah bagi kekerapan Kosa Kata Bertutur Murid Lelaki dan Perempuan	127
4.19	Perbezaan Min Jumlah Kosa Kata Bertutur Mengikut Jantina	128
4.20	Analisis Jumlah Kosa Kata Bertutur Menggunakan ‘Independent Samples Test’	129
4.21	Perbezaan Jumlah Kosa Kata Menulis Murid Lelaki dan Perempuan	130
4.22	Perbezaan Min Jumlah Kosa Kata Menulis Mengikut Jantina	131
4.23	Analisis Jumlah Kosa Kata Menulis Menggunakan ‘Independent Samples Test’	132
4.24	Hubungan Jumlah Kosa Kata Bertutur Terhadap Pencapaian Karangan	133
4.25	Hubungan Jumlah Kosa Kata Menulis Terhadap Pencapaian Karangan	135
4.26	Contoh Petikan Karangan Yang Baik	137
4.27	Klasifikasi Kosa Kata Yang Betul	138
4.28	Petikan Ayat Bertutur dan Karangan	139





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xv

5.1	Contoh Petikan Karangan Yang Baik dan Penjelasan	164
5.2	Contoh Petikan Karangan Yang Lemah dan Penjelasan	165



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Kerangka Teori Sandaran	21
2.2 Ciri-ciri operasi konkrit	24
3.1 Pengiraan Pekali Korelasi Pearson	78
3.2 Kebolehpercayaan Pemeriksa	79
3.3 Carta Alir Prosedur Pengumpulan Data	81
3.4 Kaedah Penganalisisan Data	83
3.5 Formula Pengiraan Purata Min	90



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvii

SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
HSP	Huraian Sukatan Pelajaran
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xviii

SENARAI LAMPIRAN

- A Piaget's Stages Of Cognitive Development
- B Soalan Lisan
- C Ujian Penulisan Karangan Tahun 4
- D Skema Pemarkahan Penulisan Karangan
- E Senarai Kosa Kata Bertutur Murid Lelaki
- F Senarai Kosa Kata Bertutur Murid Perempuan
- G Senarai Kosa Kata Tulisan Murid Lelaki
- H Senarai Kosa Kata Tulisan Murid Perempuan
- I Jenis-Jenis Kosa Kata Bertutur Murid Lelaki
- J Jenis-Jenis Kosa Kata Bertutur Murid Perempuan
- K Jenis-Jenis Kosa Kata Tulisan Murid Lelaki
- L Jenis-Jenis Kosa Kata Tulisan Murid Perempuan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Aspek kosa kata merupakan unsur yang penting bagi pengguna bahasa apabila berkomunikasi dan juga berinteraksi. Dalam hal ini, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah menyatakan penguasaan kosa kata perlu ditingkatkan dan dikembangkan agar murid dapat mengungkap maklumat serta buah fikiran selaras dengan penambahan ilmu dalam mata pelajaran yang dipelajari pada peringkat sekolah rendah. Tahap penguasaan kosa kata dapat menentukan pemilihan kata murid (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2013).

Isu kelemahan dalam pemilihan kosa kata secara bertutur mahupun menulis merupakan masalah utama yang harus diberikan penekanan dan perhatian dalam usaha meningkatkan penguasaan bahasa Melayu murid di sekolah rendah. Faktor kelemahan ini akan memberi impak negatif dalam pencapaian akademik dan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



kecekapan berbahasa murid sepanjang sesi persekolahan (Ambikapathi Shanmugam, Tay Meng Guat dan Shanthi V. Nadarajan, 2015).

Menurut Nurul Aisyah Abdullah (2016), isu penulisan karangan merupakan isu yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah sejak dahulu lagi. Terdapatnya sebilangan murid sekolah rendah yang tidak menguasai kemahiran berbahasa, terutamanya kemahiran menulis walaupun mereka telah menjalani sesi persekolahan selama enam tahun.

Penguasaan kosa kata juga merupakan salah satu aspek berbahasa yang memiliki peranan penting dalam kegiatan menulis. Semakin banyak kosa kata yang dimiliki seseorang, semakin mudah seseorang mengeluarkan idea dalam penulisan karangan. Hal tersebut sesuai dengan pendapat Tarigan (1993:2) yang menyatakan bahawa kualiti keterampilan berbahasa seseorang bergantung kepada kuantiti dan kualiti kosa kata yang dimilikinya.

Selain itu, jumlah kosa kata bahasa Melayu di Malaysia tidak diberi penekanan secara empirikal. Menurut Nation (2001), jumlah kosa kata merujuk kepada bilangan perkataan yang diketahui oleh murid pada satu tahap kecekapan bahasa yang tertentu. Jika seorang murid memiliki jumlah kosa kata yang besar bermakna telah memiliki sebahagian besar dalam mana-mana bahasa dari aspek makna (McCarthy, 1988).

Kajian terhadap pemilihan kosa kata ini memerlukan penilaian secara empirikal bagi mengukur atau menganggar jumlah kosa kata yang perlu dikuasai.





Penilaian ini penting bagi memastikan jumlah kosa kata yang dinyatakan di dalam sukanan pelajaran dapat dinilai dengan lebih tepat.

Oleh itu, pengkaji cenderung untuk menjalankan kajian terhadap pemilihan kosa kata melibatkan aktiviti bertutur dan menulis supaya jumlah kosa kata yang perlu diletakkan dalam sesuatu bahan pembelajaran sesuai dengan tahap dan kebolehan murid itu sendiri. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, senarai kosa kata atau jumlah kosa kata yang perlu dikuasai oleh murid mengikut peringkat umur penting dalam penyediaan bahan bacaan mahupun bahan rujukan.

Kesimpulannya, kajian terhadap pemilihan kosa kata ini perlu dijalankan kerana kosa kata merupakan komponen penting dan kekayaan kosa kata seseorang turut menentukan kualiti dan keterampilan berbahasa individu tersebut. Kosa kata yang kurang menyukarkan murid untuk berinteraksi dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Nurliya Febrisma,2013).

1.2 Penyataan Masalah

Masalah pemilihan kosa kata telah mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji tempatan antaranya Muhd Rozman (2003), Ridzuan (2006) dan Hamdi (2010). Dapatan kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tahap penguasaan dan pengetahuan kosa kata murid adalah lemah dan membimbangkan. Namun, pengkaji tidak menyatakan aspek kelemahan kosa kata murid secara khusus.





Menurut Nuriya Febrisma (2013), kelemahan aspek kosa kata dalam kalangan murid menyebabkan mereka sukar untuk berkomunikasi dengan baik dan menjelaskan prestasi dalam peperiksaan karangan di sekolah. Mengikut Asmah Hj. Omar (dalam Zarina Ahmad 2009), murid sekolah rendah tidak mempunyai keyakinan dan kemahiran untuk menggunakan kosa kata walaupun sudah lama mengikuti kelas bahasa iaitu sejak berumur 6 tahun sehingga 12 tahun. Murid juga masih ragu-ragu dan kehilangan kata-kata apabila diminta untuk menuturkan sesuatu cerita mengikut konteksnya. Di samping itu, keputusan peperiksaan yang lemah juga mempengaruhi tahap penguasaan dan pengetahuan kosa kata murid.

Menurut Hamdi (2010), dapatan kajian-kajian terdahulu tidak membincarkan secara terperinci berapakah saiz kosa kata atau jumlah kosa kata yang harus dimiliki



oleh murid sama ada secara statistik mahupun dalam bentuk angka. Oleh itu, permasalahan tersebut menjadi pencetus kepada pengkaji untuk mencari jawapan terhadap saiz atau jumlah kosa kata yang perlu dimiliki dan dikuasai oleh murid di sekolah rendah.

Kajian terhadap pemilihan kosa kata secara bertutur dan menulis perlu dijalankan kerana kosa kata merupakan komponen yang penting dan kekayaan kosa kata seseorang turut menentukan kualiti dan keterampilan berbahasa individu tersebut. Pada masa ini, kajian mengenai jumlah kosa kata dan jenis-jenis kosa melalui pemilihan murid tidak banyak dijalankan.

Kajian yang sedia ada biasanya berkaitan dengan *Pemerolehan Kosa Kata Bahasa Melayu Kanak-Kanak Istimewa Masalah Pendengaran Tahap Satu dan Dua*





Di Sekolah Rendah Pendidikan Khas (Mohd. Yatim Abdullah, 1998), *Keberkesanan Strategi Kognitif Terhadap Pencapaian Kosa Kata Bahasa Melayu Pelajar-Pelajar Bukan Melayu* (Zubidah A. Majid, 2002) dan *Penguasaan Kosa Kata Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Melayu Menengah 3* (Karmilah Khamis, 2012).

Selain itu, pengetahuan kosa kata yang luas dan mendalam penting kerana pengetahuan ini dapat membantu murid untuk membaca dengan pantas serta memudahkan proses meneka maksud perkataan baharu melalui pelbagai konteks (Laufer dalam Ambikapathi Shanmugam, Tay Meng Guat dan Shanthi V. Nadarajan, 2015).



Sebelum ini, senarai kosa kata yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia merupakan senarai kosa kata yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dan bukannya dari murid itu sendiri. Dalam kajian ini, pengkaji terdorong untuk menjalankan kajian terhadap pemilihan kosa kata yang dipilih oleh murid itu sendiri. Pengkaji tertarik untuk menjalankan kajian terhadap pemilihan kosa kata yang melibatkan boleh ubah dari segi jantina. Hal ini demikian kerana, mengikut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) jurang gender semakin meningkat dan pencapaian murid perempuan mengatasi murid lelaki.

Perbezaan prestasi dalam peperiksaan terutamanya dalam Ujian Sumatif ataupun Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) semakin ketara dan pencapaian murid perempuan semakin meningkat sepanjang laluan akademik murid. Murid lelaki berpotensi tinggi serta berisiko untuk tercicir dalam pembelajaran yang





mengakibatkan nisbah lelaki dan perempuan bagi sesuatu kohort berkurangan dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5 (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2015).

Selain itu, kajian yang dijalankan Wei (2009) menunjukkan murid perempuan mempunyai tahap pencapaian, penguasaan dan pengetahuan bahasa yang lebih cemerlang berbanding murid lelaki dari aspek verbal. Bagi aspek mental, bahasa dan kemahiran pula, murid perempuan juga lebih berpotensi dan mengatasi murid lelaki.

Kajian yang dijalankan oleh Ishrat Akhter (2014) yang bertajuk *Differences in Language Use by Male and Female Students in Tertiary Academia in Dhaka City* dan Dalia Masitiene` (2012) dalam kajiannya *Differences In Language Use By Men And Women In Spoken Interaction* menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina lelaki dan perempuan dengan saiz kosa kata. Kajian yang dijalankan Ishrat Akhter (2014) terhadap 50 pelajar universiti di bandar Dhaka, Bangladesh menunjukkan kosa kata murid perempuan lebih tinggi berbanding lelaki dan murid perempuan menggunakan bahasa yang lebih formal berbanding murid lelaki iaitu 52 peratus murid perempuan dan 12 peratus murid lelaki.

Dalia Masitiene` (2012) mendapati bahawa murid perempuan mempunyai jumlah perkataan yang lebih besar berbanding murid lelaki. Beliau juga mendapati perbezaan antara jantina dengan saiz kosa kata adalah signifikan. Dapatan kajian beliau juga menunjukkan bahawa jumlah perkataan dalam lisan bagi jantina perempuan ialah 3008 patah perkataan manakala lelaki memiliki 2878 patah perkataan dalam aktiviti lisan.





Kajian terhadap Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), Wei (2009), Ishrat Akhter (2014) dan Dalia Masitiene` (2012) mendapati murid perempuan mempunyai tahap kebolehan dan keupayaan berbahasa lebih tinggi berbanding murid lelaki. Perbezaan jantina ini menjadi pencetus kepada pengkaji untuk menjalankan kajian kosa kata yang lebih berfokus kepada aspek jantina.

Bertitik tolak dari kajian lepas dan berdasarkan masalah-masalah yang telah dikenal pasti, pengkaji terdorong untuk menjalankan kajian bagi mengenal pasti jumlah bagi kekerapan kosa kata, jenis kosa kata bertutur dan menulis berdasarkan jantina serta hubungan jumlah kosa kata bertutur dan menulis terhadap pencapaian karangan murid.





1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

1. Mengenal pasti jumlah bagi kekerapan kosa kata bertutur dan menulis murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah.
2. Mengenal pasti perbezaan jumlah bagi jenis-jenis kosa kata bertutur murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah.
3. Mengenal pasti perbezaan jumlah jenis-jenis kosa kata menulis murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah.
4. Mengenal pasti perbezaan jumlah bagi kekerapan kosa kata bertutur dan menulis murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah.
5. Mengkaji hubungan antara jumlah kosa kata bertutur dan menulis terhadap pencapaian penulisan karangan murid tahun empat di sekolah rendah.





1.4 Soalan Kajian

1. Apakah jumlah bagi kekerapan kosa kata bertutur dan menulis murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah?
2. Apakah perbezaan jumlah jenis-jenis kosa kata bertutur murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah?
3. Apakah perbezaan jumlah jenis-jenis kosa kata menulis murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah?
4. Apakah perbezaan jumlah kekerapan kosa kata bertutur murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah?
5. Apakah perbezaan jumlah kekerapan kosa kata menulis murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah?
6. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara jumlah kosa kata bertutur terhadap pencapaian penulisan karangan murid tahun empat di sekolah rendah?
7. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara jumlah kosa kata menulis terhadap pencapaian penulisan karangan murid tahun empat di sekolah rendah?





1.5 Hipotesis Kajian

Berdasarkan soalan kajian, terdapat beberapa hipotesis null yang terhasil bagi soalan kajian 4, 5, 6 dan 7 iaitu:

Ho1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min jumlah kosa kata bertutur murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah.

Ho2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min jumlah kosa kata menulis murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah

Ho3 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jumlah kosa kata bertutur terhadap pencapaian penulisan karangan murid tahun empat di sekolah rendah.

Ho4 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jumlah kosa kata menulis terhadap pencapaian penulisan karangan murid tahun empat di sekolah rendah.





1.6 Kepentingan Kajian

1.6.1 Murid

Implikasi daripada kajian ini adalah penting kerana secara tidak langsung murid dapat meningkatkan keyakinan diri apabila diberi kepercayaan untuk bertutur. Kajian ini juga mengemukakan jumlah kosa kata yang sepatutnya difahami oleh murid dan dapat memperkayakan kosa kata mereka. Pengetahuan murid terhadap pemilihan kosa kata dapat mendorong mereka untuk menguasai jumlah kosa kata yang lebih besar dan dapat merancang serta mengembangkan perbendaharaan kata.



1.6.2 Guru

Kajian pemilihan kosa kata murid secara bertutur dan menulis ini dianggap penting kerana boleh dijadikan rujukan kepada pelbagai pihak khususnya kepada guru bahasa Melayu. Data yang diperoleh boleh dijadikan modul dan bahan rujukan kepada semua guru terutamanya guru di sekolah rendah. Guru juga dapat membuat perbezaan tahap pemilihan kosa kata murid tahun empat antara murid lelaki dan perempuan bagi sekolah rendah. Dapatan kajian yang diperoleh dapat membantu guru untuk mengesan kelemahan kosa kata murid dari perspektif yang lebih dekat. Oleh itu, guru lebih mudah untuk merancang strategi pengajaran dan pembelajaran serta sekali gus dapat





mencari teknik yang bersesuaian dalam meningkatkan tahap penguasaan kosa kata murid.

1.6.3 Penerbit

Kajian ini berguna kepada biro penerbitan dalam menghasilkan buku-buku yang terbaru. Walaupun sebelum ini, telah terhasilnya buku-buku, risalah-risalah dan modul-modul yang berkaitan dengan kosa kata, namun demikian bahan bercetak tersebut dihasilkan oleh idea dan fikiran daripada golongan dewasa bukannya pemilihan kata dari murid itu sendiri. Kajian ini juga dapat membantu pihak penerbit buku dalam mempertimbangkan pemeringkatan kesukaran perkataan yang hendak



didedahkan kepada murid yang berada dalam pelbagai peringkat kemahiran dan penguasaan bahasa. Dapatan yang diperoleh juga dapat digunakan oleh biro penerbitan terutamanya bahagian buku teks sekolah rendah untuk dijadikan rujukan bagi memperbaharui maklumat yang terkini supaya bersesuaian dengan pembelajaran pada kini yang berteraskan pembelajaran abad ke-21.

1.6.4 Kementerian

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) boleh menggunakan dapatan ini kini untuk mengemas kosa kata yang terdapat dalam Huraian Sukatan Pelajaran (HSP). Kepentingan ini juga boleh dimanfaatkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK)





dalam merangka dan mengemas kini kurikulum mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah rendah mengikut standard yang sepatutnya.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan 70 orang murid di salah sebuah Sekolah Rendah Kebangsaan Daerah Melaka Tengah. Dari sudut responden kajian, pengkaji hanya memilih 35 orang murid lelaki dan 35 orang murid perempuan yang terdiri daripada murid Melayu. Hal ini demikian kerana sekolah yang dipilih merupakan sekolah yang terdiri daripada murid Melayu.



kata bahasa Inggeris. Dalam menganalisis tahap pemilihan kosa kata murid, terdapat aspek yang tidak boleh dikawal. Pengkaji tidak dapat membataskan input penguasaan dan pengalaman kosa kata yang diperoleh oleh murid dalam situasi yang lain selain yang didedahkan mahupun diberikan oleh guru di dalam kelas semasa pengajaran dan pembelajaran. Murid-murid yang menjadi sampel kajian mungkin menerima pendedahan kosa kata di luar waktu pembelajaran umpamanya di kelas tambahan atau membuat latihan sendiri di rumah ataupun melalui pengembangan kosa kata yang lain.

Dari sudut penguasaan, kemahiran yang dijalankan terbatas kepada kemahiran bertutur dan menulis sahaja, iaitu hanya meliputi aspek bertutur dengan menggunakan





kemahiran bercerita dan juga kemahiran tulisan yang melibatkan ujian penulisan karangan. Cara pendedahan kosa kata lain yang tidak dapat dikawal dalam kajian ini ialah pemerolehan kosa kata oleh murid daripada sumber media massa atau melalui interaksi sosial misalnya interaksi dengan ibu bapa, guru dan rakan yang diakui turut memainkan peranan menentukan tahap penguasaan kosa kata seseorang.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Pemilihan Kosa Kata



Mustakim (1994) menyatakan bahawa pemilihan kosa kata ialah proses atau tindakan dalam memilih perkataan secara tepat melalui proses tertentu. Pemilihan dan penggunaan kata secara tepat dapat mewakili fikiran dan perasaan yang ingin disampaikan kepada orang lain secara bertutur mahupun menulis

Dalam kajian ini, pemilihan kosa kata merujuk kepada pemilihan perkataan yang dituturkan oleh murid secara bertutur dan menulis. Pemilihan kosa kata murid ini bergantung pada tahap penguasaan kosa kata yang dimiliki oleh murid tersebut. Penguasaan kosa kata yang meluas juga menjadi aspek penting dalam pemilihan kosa kata. Semakin banyak kosa kata yang dikuasai oleh murid, semakin mudah bagi murid untuk mengungkapkan perkataan yang hendak dituturkan serta disampaikan dengan berkesan dan berkeyakinan





1.8.2 Kosa Kata

Mengikut Kamus Dewan Edisi Empat (682 & 825) kosa kata ialah gabungan atau himpunan kata-kata. Kosa kata dikenali juga sebagai perbendaharaan kata dan merupakan keseluruhan kata dalam sesuatu bahasa.

Menurut Nathesan (2011), kosa kata boleh dikenali juga sebagai leksikal atau leksikon. Kosa kata merujuk kepada senarai perkataan yang dimiliki oleh individu dan dapat membantu seseorang itu untuk memahami perkataan dan menggunakan senarai perkataan ini untuk mendengar, bertutur, membaca dan juga menulis.

Dalam kajian ini, kosa kata merujuk kepada perkataan yang dituturkan oleh



kepada kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata tugas dan kata kosa kata bahasa Inggeris. Pemilihan kosa kata yang digunakan dalam kajian ini berdasarkan perkataan yang dituturkan oleh murid secara lisan dan melalui ujian penulisan karangan.

1.8.3 Kemahiran Lisan

Maguire (2007) mendefinisikan kemahiran lisan melibatkan keberkesanan interpretasi, persempahan dan pembentangan maklumat, idea dan nilai kepada audiens yang tertentu. Kemahiran lisan juga melibatkan kebolehan membentuk, menganalisis secara kritikal, membentang dan menyampaikan maklumat melalui interaksi verbal





dan visual. Secara tidak langsung kemahiran lisan merupakan seni melahirkan dan bertukar-tukar idea dalam pengucapan.

Kemahiran lisan terdiri daripada dua kemahiran utama, iaitu kemahiran bertutur dan mendengar. Kemahiran bertutur melibatkan individu untuk berkata-kata, mengujarkan kata atau bercakap. Kemahiran bertutur merupakan keupayaan serta kebolehan individu untuk mengungkapkan buah fikiran melalui kata-kata yang ingin disampaikan. Dalam kajian ini, kemahiran lisan yang digunakan adalah merujuk kepada kemahiran bertutur murid. Murid bertutur dengan cara bercerita untuk mengeluarkan idea dan pendapat berdasarkan tajuk yang dipilih.



1.8.4 Kemahiran Menulis



Rosni (2009) menyatakan bahawa kemahiran menulis merupakan ungkapan bagi menggambarkan kebolehan murid dalam penggunaan bahasa. Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang penting dalam usaha menguasai pemilihan kosa kata.

Olinghouse & Leaird (2009) menyatakan dan mendefinisikan bahawa kosa kata dalam penulisan dapat melambangkan kematangan dan ketulenan pilihan perkataan murid. Dalam kajian ini, kemahiran menulis yang digunakan adalah merujuk kepada ujian penulisan karangan yang dijalankan. Murid menjalani ujian penulisan karangan berdasarkan tajuk yang telah disediakan.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

17

1.9 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan sebab dan tujuan kajian ini dijalankan berdasarkan masalah-masalah yang telah dinyatakan sebelum ini. Selain itu, bab ini juga telah menyatakan persoalan dan hipotesis kajian yang bakal dijawab pada akhir kajian ini. Setiap boleh ubah yang terlibat dalam kajian ini juga telah diterangkan secara terperinci pada bahagian definisi operasional yang terkandung dalam bab ini. Keseluruhannya, kajian ini menunjukkan secara terperinci pemilihan kosa kata murid secara bertutur dan pmenulis yang berfokus kepada jumlah kosa kata dan jenis kosa murid lelaki dan perempuan tahun empat di sekolah rendah. Diharapkan agar kajian ini dapat memberi impak yang berguna kepada dunia pendidikan kini dan menjadi



05-4506832



panduan serta rujukan kepada semua pihak.

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi